



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN MODUL INTEGRASI “*TAZKIYAH AN NAFS*”
TERHADAP MOTIVASI,
KECERDASAN EMOSI
DAN RESILIENSI
PELAJAR
TAHFIZ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD ZAHAREN BIN MD ZAHIR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN MODUL INTEGRASI “TAZKIYAH AN NAFS” TERHADAP MOTIVASI,
KECERDASAN EMOSI DAN RESILIENSI
PELAJAR TAHFIZ

MOHD ZAHAREN BIN MD ZAHIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULIS**

Perakuan ini telah dibuat pada ...15...(hari bulan)...**SEPTEMBER....** (bulan) **2020**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MOHD ZAHAREN BIN MD ZAHIR, NO MATRIK: P20151001025, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KESAN MODUL BIMBINGAN INTEGRASI TAZKIYAH AN NAFS TERHADAP MOTIVASI, KECERDASAN EMOSI DAN RESILIENSI PELAJAR TAHFIZ** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. MD NOOR BIN SAPER** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESAN MODUL BIMBINGAN INTEGRASI TAZKIYAH AN NAFS TERHADAP MOTIVASI, KECERDASAN EMOSI DAN RESILIENSI PELAJAR TAHFIZ** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (BIMBINGAN DAN KAUNSELING).**

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayahNya saya dapat menyiapkan tesis PhD ini. Dikesempatan ini saya ingin rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ibu bapa saya iaitu Md Zahir bin Zainol Abidin dan Jahara binti Ismail yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Buat isteri tercinta, Che Sum binti Mat Daud dan anak-anak saya Nureen Umairrah dan Muhammad Nazreen Uzairr yang tidak pernah jemu memberi sokongan sepanjang menjalani kehidupan sebagai seorang kaunselor dan pelajar. Tanpa kesabaran, pengorbanan dan kasih sayang mereka semua tidak mungkin saya dapat memperolehi kekuatan sepanjang pengajian untuk mencapai kejayaan ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga buat penyelia saya iaitu Dr. Md Noor Saper dan Prof. Madya Dr. Mohammad Nasir Bistamam di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan kepada saya. Budi dan jasa semua akan saya kenang. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat Dr. Hjh Nur Liyana Mohd Ibrahim, Puan Nurul Khaizan, Puan Norhafizah Abd. HAZIS dan Ustaz Mohd Farhan Khalid, kerana membantu memberi pandangan tentang modul dan sebagai fasilitator kelompok bimbingan kepada peserta-peserta dari kalangan pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat. Tidak lupa juga kepada pelajar-pelajar Pembimbing Rakan Tahfiz (*Team* Kaunseling Darul Quran terdiri daripada S.O.N.I.C, I-Care, KEFDA dan CRT) dan rakan-rakan Pembimbing Rakan Sekerja (AKRAB DQ) yang banyak membantu saya selama ini.

Terima kasih yang tidak terhingga buat semua pakar bidang yang terlibat sebagai penilai modul dan instrumen dalam penyelidikan ini terutama sekali Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang, Prof. Dr. Zuria binti Mahmud, Prof. Madya Dr. Salleh bin Amat, Prof. Madya Dr. Mohammad Aziz Shah, Prof. Madya Dr. Ahmad Jazimin, Dr. Mohd Izwan bin Mahmud, Dr. Norsayyidatina binti Che Rozubi, Dr. Zainol Abidin bin Ishak dan Dr. Mohd Hafiz bin Osman. Manakala pengamal kaunseling pula iaitu Dr. Hjh. Nur Liyana bt Mohd Ibrahim, Tuan Haji Norazman bin Amat, En. Badrul Hisham bin Abu Hani, Dr. Abdul Ghaffar bin Surip dan Ustazah Sabariah binti Salleh. Tidak dilupakan juga Dr. Haji Nordin bin Ahmad iaitu Pengarah Darul Quran, JAKIM yang memberi kebenaran untuk menjalankan kajian di lokasi yang dipilih. Begitu juga pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam menjayakan perlaksanaan penyelidikan ini. Semoga Allah SWT akan menganugerahkan balasan kebaikan untuk kalian semua.

Wassalam.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar Tahfiz. Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* dibina berdasarkan model Sidek dan Jamaludin manakala elemen motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi berdasarkan Teori *Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT) oleh Albert Ellis. Seramai 13 orang panel pakar telah mengesahkan modul tersebut dengan indeks kesahan pakar adalah 87.9 peratus. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat semester 4 di Darul Quran, telah dipilih secara rawak daripada 177 orang populasi pelajar kohort tersebut. Seramai 30 orang pelajar telah diletakkan dalam kumpulan kawalan dan 30 orang pelajar dalam kumpulan rawatan. Intervensi rawatan menggunakan modul MBITN telah dijalankan selama 8 minggu. Instrumen kajian terdiri daripada tiga set soal selidik untuk mengukur motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar. Kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi di mana indeks *Alfa Cronbach* adalah $\alpha = 0.97$. Dapatan kajian menunjukkan min kumpulan kawalan untuk elemen Motivasi ($M = 32.37$; $SP = 2.29$), Kecerdasan Emosi ($M = 49.72$; $SP = 6.87$) dan Resiliensi ($M = 124.80$) adalah lebih rendah daripada kumpulan rawatan. Min untuk elemen Motivasi ($M = 76.60$; $SP = 6.73$), Kecerdasan Emosi (59.20 ; $SP = 7.69$) dan Resiliensi ($M = 145.37$; $SP = 11.96$) pelajar kumpulan rawatan adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan setelah lapan minggu mengikut modul MBITN. Ujian-t juga dijalankan untuk menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara min ujian pra dan min ujian pos untuk ketiga-tiga elemen. Hasil ujian-t untuk Motivasi adalah $[t(29) = -34.44$; $p < 0.05$]; Kecerdasan Emosi $[t(29) = -5.22$, $p < 0.05$]; dan Resiliensi $[t(29) = -6.77$; $p < 0.05]$. Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) ini adalah berkesan untuk meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi dalam kalangan kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Implikasi kajian adalah sumbangan kajian ini dalam bentuk satu modul integrasi spiritual yang baharu yang boleh digunakan bukan sahaja kepada institusi tahfiz tetapi juga kepada institusi pendidikan yang lain.





THE EFFECT OF TAZKIYAH AN NAFS GUIDANCE INTEGRATION MODULE TOWARDS MOTIVATION, EMOTIONAL INTELLIGENCE AND RESILIENCE AMONG TAHFIZ STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the effect of *Tazkiyah An-Nafs* Integrated Guidance Module (MBITN) towards motivation, emotional intelligence and resiliency of Tahfiz students. *Tazkiyah An-Nafs* Integrated Guidance Module was developed based on Sidek and Jamaludin model while the elements of motivation, emotional intelligence and resiliency were based on Rational Emotive Behaviour Therapy Theory (REBT) by Albert Ellis. A number of 13 panel of experts confirmed the module with the validity index of 87.9%. The sample consisted of 60 fourth semester students of Diploma Tahfiz al-Quran and Al-Qiraat in Darul Quran. There were all selected randomly from 177 total population of the same cohort. A random sampling of 30 students were assigned to a control group and another 30 students in a treatment group. The treatment intervention was conducted for 8 weeks by using the MBITN module. The instrument of the study comprised of three set of questionnaires to measure the motivation, emotional intelligence and resiliency of the students. The reliability instrument index was high based on the Cronbach Alfa of $\alpha = 0.97$. The finding shows the mean value of the control group to be lower than the treatment group for Motivation ($M = 32.37$; $SP = 2.29$), Emotional Intelligence ($M = 49.72$; $SP = 6.87$) and Resiliency ($M = 124.80$). The mean value of the treatment group was higher than the control group after 8 weeks of following MBITN module with the respective values of Motivation ($M = 76.60$; $SP = 6.73$), Emotional Intelligence (59.20 ; $SP = 7.69$) dan Resiliency ($M = 145.37$; $SP = 11.96$). T-test was also conducted to show the significant difference between the means for pre-test and post-test for all the three elements. The results of the t-test for Motivation was [$t(29) = -34.44$; $p < 0.05$]; Emotional Intelligence [$t(29) = -5.22$, $p < 0.05$]; and Resiliency [$t(29) = -6.77$; $p < 0.05$]. In conclusion, the main finding of this study shows that *Tazkiyah An-Nafs Integrated Guidance Module* (MBITN) is effective in increasing motivation, emotional intelligence and resiliency among the treatment group as compared to the control group. This study has contributed a new spiritual integrated module that can be used not only by tahfiz institutions but other educational establishments as well.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULIS	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Soalan Kajian	19
1.7 Hipotesis Kajian	20
1.8 Kerangka Konseptual	23



1.9	Kepentingan Kajian	28
1.9.1	Kepentingan Kajian kepada Perkembangan Ilmu dan Teori	30
1.9.2	Kepentingan Kajian kepada Amalan Bimbingan dan Kaunseling	31
1.9.3	Kepentingan Kajian kepada Masyarakat	32
1.10	Batasan Kajian	33
1.11	Definisi Pemboleh Ubah Konseptual dan Operasional	34
1.11.1	Modul Bimbingan Integrasi	34
1.11.2	Kelompok Bimbingan	36
1.11.3	<i>Tazkiyah An-Nafs</i>	38
1.11.4	Motivasi	39
1.11.5	Kecerdasan Emosi	42
1.11.6	Resiliensi	45
1.11.7	Pelajar Tahfiz	47
1.12	Rumusan	49

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	50
2.2	Teori dan Model	51
2.2.1	Teori <i>Rational Emotive Behaviour Therapy</i> (REBT)	51
2.2.2	Teori Motivasi	64
2.2.3	Teori Kecerdasan Emosi	70
2.2.3.1	Kecerdasan Emosi Berdasarkan <i>Spiritual Quotient</i> (SQ)	76

2.2.4	Teori Resiliensi	78
2.2.5	Model <i>Tazkiyah An-Nafs Al-Ghazali</i>	83
2.2.6	Model Integrasi	89
2.2.7	Keperluan Integrasi Agama Dalam REBT	94
2.2.8	Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi	98
2.2.8.1	Kelompok Bimbingan	98
2.2.8.2	Modul Integrasi	101
2.2.8.3	Pembinaan Modul Integrasi	108
2.2.8.4	Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	118
2.2.8.5	Asas Teori Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	120

2.3	Kajian Literatur Pemboleh Ubah Kajian	140
2.3.1	Kajian Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi	140
2.3.2	Kajian Kesahan Modul Bimbingan Integrasi	141
2.3.3	Kajian Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi	144
2.3.4	Kajian Motivasi	145
2.3.5	Kajian Kecerdasan Emosi	152
2.3.6	Kajian Resiliensi	157
2.3.7	Kajian Integrasi Spiritual	166
2.4	Rumusan	171

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	172
3.2	Reka Bentuk Kajian	173

3.3	Proses Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	176
3.3.1	Lokasi Kajian	179
3.3.2	Pemilihan Responden	179
3.3.3	Kajian Rintis Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	180
3.4	Menentukan Kesahan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	180
3.4.1	Lokasi Kajian Kesahan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	182
3.4.2	Pemilihan Responden	184
3.4.3	Alat Kajian Kesahan Pakar	186
3.4.4	Analisa Data Kesahan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	187
3.4.5	Menentukan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	188
3.4.6	Lokasi Kajian Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	189
3.4.7	Pemilihan Responden Kajian Kebolehpercayaan	189
3.4.8	Alat Kajian Kebolehpercayaan	190
3.4.9	Analisa Data Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	191
3.5	Menentukan Kesan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	192
3.5.1.	Lokasi Kajian Awal	192
	3.5.1.1 Lokasi Kajian Kuasi Eksperimen	193
3.5.2	Pemilihan Responden	195
	3.5.2.1 Pemilihan Responden Kajian Awal	195

3.5.2.2	Pemilihan Responden Kuasi Eksperimen	197
3.5.3	Pengujian Normaliti Pembolehubah Kajian	201
3.5.4	Alat Kajian	203
3.5.4.1	Instrumen Motivasi	207
3.5.4.2	Instrumen Kecerdasan Emosi	209
3.5.4.3	Instrumen Resiliensi	212
3.5.5	Kajian Rintis Alat Kajian	213
3.5.6	Kesahan Instrumen Motivasi, Instrumen Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	214
3.5.7	Kebolehpercayaan Instrumen Motivasi, Instrumen Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	230
3.5.8	Prosedur Menjalankan Kajian	239
3.5.8.1	Prosedur Menjalankan Intervensi	240
3.5.8.2	Kebenaran Menjalankan Kajian	241
3.5.8.3	Kumpulan Rawatan	241
3.5.8.4	Kumpulan Kawalan	243
3.5.8.5	Langkah-Langkah Mengawal Pemboleh Ubah Luar	244
3.5.8.6	Pemilihan dan Latihan Fasilitator	245
3.5.8.7	Perjalanan Intervensi Kelompok	246
3.5.8.8	Aliran Intervensi Kelompok	247
3.5.9	Analisa Data	249
3.5.9.1	Analisis Data Kajian Kuasi Eksperimen	249
3.5.10	Cara Pamarkatan	251

3.5.10.1	Skor Tahap Motivasi	252
3.5.10.2	Skor Tahap Kecerdasan Emosi	253
3.5.10.3	Skor Tahap Resiliensi	254
3.6	Rumusan	255

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	256
4.2	Hasil Dapatan Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	257
4.3	Hasil Dapatan Kesahan Modul Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	270
4.4	Hasil Dapatan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	277
4.5	Hasil Dapatan Kesan Modul Kajian Kuasi Eksperimen	280
4.5.1	Keputusan Analisis Deskriptif	281
4.5.2	Keputusan Analisis Berdasarkan Pengujian Hipotesis	283
4.5.2.1	Kesan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN) Antara Kelompok Rawatan Dengan Kelompok Kawalan Ke Atas Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	284
4.5.2.2	Kesan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN) Antara Kelompok Rawatan Dengan Kelompok Kawalan Berdasarkan Subkonstruk Motivasi	289
4.5.2.3	Kesan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN) Antara Kelompok Rawatan Dengan Kelompok Kawalan Ke Atas Subkonstruk Kecerdasan Emosi	294
4.5.2.4	Kesan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN) Antara Kelompok Rawatan Dengan Kelompok Kawalan Ke Atas Subkonstruk Resiliensi	302

4.5.2.5	Kesan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN) Antara Kelompok Rawatan Dengan Kelompok Kawalan KeAtas Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi Berdasarkan Jantina	309
---------	--	-----

4.6	Rumusan	320
-----	---------	-----

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	322
-----	------------	-----

5.2	Rumusan Keputusan Kajian	323
-----	--------------------------	-----

5.2.1	Rumusan Kajian Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	326
-------	---	-----

5.2.2	Rumusan Kajian Kesahan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	329
-------	---	-----

5.2.3	Rumusan Kajian Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	330
-------	--	-----

5.2.4	Rumusan Kajian Kesan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN)	331
-------	---	-----

5.3	Kesan Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi <i>Tazkiyah An-Nafs</i> (MBITN) Terhadap Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	337
-----	--	-----

5.3.1	Kesan Modul Terhadap Motivasi	338
-------	-------------------------------	-----

5.3.2	Kesan Modul Terhadap Kecerdasan Emosi	339
-------	---------------------------------------	-----

5.3.3	Kesan Modul Terhadap Resiliensi	340
-------	---------------------------------	-----

5.4	Implikasi Kajian	341
-----	------------------	-----

5.4.1	Implikasi Kajian Teori dan Praktis	342
-------	------------------------------------	-----

5.4.2	Implikasi Terhadap Bidang Kaunseling	353
-------	--------------------------------------	-----

5.4.3	Implikasi Terhadap Amalan Kaunseling	356
-------	--------------------------------------	-----

5.4.4	Implikasi Terhadap Kelompok Rawatan	358
-------	-------------------------------------	-----



5.4.5	Implikasi Terhadap Pelajar Tahfiz	363
5.5	Cadangan	365
5.6	Penutup	367
RUJUKAN		369





SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

3.1	Model Reka Bentuk Kuasi Eksperimen (Campbell & Stanley, 1961; Wiersma, 1991; Salkind, 2000)	175
3.2	Senarai Panel Pakar Mengikut Lokasi Kajian	183
3.3	Senarai Panel Pakar Mengikut Bidang Kepakaran	184
3.4	Persampelan Sampel Kajian Tinjauan	196
3.5	Bilangan Sampel Mengikut Kelompok dan Jantina	200
3.6	Pemilihan Kelompok Bimbingan Sampel Kajian	201
3.7	Taburan Normaliti Bagi Setiap Konstruk Motivasi, Kecerdasan Emosi Dan Resiliensi	203
3.8	Konstruk Soal Selidik Aspek Psikologi	206
3.9	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Soal Selidik Motivasi	217
3.10	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Soal Selidik Kecerdasan Emosi	221
3.11	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Soal Selidik Resiliensi	224
3.12	Cadangan dan komen pakar keseluruhan bagi kesahan Soal Selidik Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	230
3.13	Nilai Cronbach Alpha Kebolehpercayaan Soal Selidik Motivasi	232
3.14	Nilai Cronbach Alpha Kebolehpercayaan Soal Selidik Kecerdasan Emosi	234
3.15	Nilai Cronbach Alpha Kebolehpercayaan Soal Selidik Resiliensi	236
3.16	Nilai Kebolehpercayaan bagi Keseluruhan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	240



3.17	Bilangan Sampel Kelompok Rawatan Mengikut Kelompok Dan Jantina	243
3.18	Kelompok Kawalan Mengikut Jantina	244
3.19	Skor Tahap Motivasi	253
3.20	Skor Tahap Kecerdasan Emosi	254
3.21	Skor Tahap Resiliensi	255
4.1	Jadual Pelaksanaan Modul Bimbingan Integrasi Tazkiyah An-Nafs (MBITN)	269
4.2	Penilaian Pakar Terhadap Tahap Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Kelompok Bimbingan M Modul Bimbingan Integrasi Tazkiyah An-Nafs (MBITN)	271
4.3	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul Bimbingan Tazkiyah An-Nafs	274
4.4	Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar	275
4.5	Maklum Balas Penambahbaikan oleh Pakar	276
4.6	Nilai kebolehpercayaan Berdasarkan Sesi dan Aktiviti Modul Bimbingan Integrasi Tazkiyah An-Nafs (MBITN)	279
4.7	Kajian Rintis Modul Bimbingan Integrasi Tazkiyah An-Nafs (MBITN)	281
4.8	Bilangan Sampel dan Bilangan Kelompok Berdasarkan Jantina	283
4.9	Ringkasan Analisis Deskriptif Skor Min Pra ujian dan Pos ujian Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	286
4.10	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Antara Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	287
4.11	Ringkasan Analisis Deskriptif Skor Min Pra ujian Dan Pos ujian Antara Kelompok Rawatan Dan Kelompok Kawalan Berdasarkan Subkonstruk Motivasi Intrinsik Dan Motivasi Ekstrinsik	290
4.12	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Motivasi Intrinsik	292
4.13	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Motivasi Ekstrinsik	293

4.14	Ringkasan Analisis Deskriptif Skor Min Pra ujian dan Pos ujian Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Berdasarkan subkonstruk Kecerdasan Terhadap Diri (Self Awareness), Keupayaan Mengurus Emosi (Self Regulation) dan Kemahiran Sosial (Social Skill)	296
4.15	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Kecerdasan Emosi; Kecerdasan Terhadap Diri (Self Awareness)	297
4.16	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Kecerdasan Emosi; Keupayaan Mengurus Emosi (Self Regulation)	299
4.17	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Kecerdasan Emosi; Kemahiran Sosial (Social Skill)	301
4.18	Ringkasan Analisis Deskriptif Skor Min Pra ujian dan Pos ujian Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Berdasarkan Subkonstruk Masa Hadapan, Kemampuan dan Berdikari	304
4.19	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Resiliensi; Masa Hadapan	305
4.20	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Resiliensi; Kemampuan	307
4.21	Ringkasan Analisis Ujian-t Sampel Berpasangan Pra ujian dan Pos ujian Subkonstruk Resiliensi; Berdikari	308
4.22	Ringkasan Analisis Deskriptif Skor Min Pra ujian dan Pos ujian Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Berdasarkan Jantina	312
4.23	Ringkasan Analisis Mancova Kesan Modul Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pra ujian dan Pos ujian Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi	314
4.24	Ringkasan Analisis Mancova Kesan Modul Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pra ujian dan Pos ujian Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi Kelompok Rawatan Lelaki, Kelompok Rawatan Perempuan, Kelompok Kawalan Lelaki dan Kelompok Kawalan Perempuan	315



- 4.25 Ringkasan Analisis Pos Hoc-Turkey Perbezaan Pos ujian
Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi Kelompok
Rawatan Lelaki, Kelompok Rawatan Perempuan, Kelompok
Kawalan Lelaki dan Kelompok Kawalan Perempuan

317





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	25
2.1	Kerangka Konsep Teori ABCDE	57
2.2	Carta Aliran Masalah Individu Mengikut Teori REBT	59
2.3	Rantai Masalah dan Pelan Intervensi Mengikut Teori REBT	61
2.4	Model Tazkiyah An-Nafs al-Ghazali (MBTN) dapat dilihat dalam Model Tazkiyah An-Nafs al-Ghazali (disesuaikan dengan model al-Ghazali; Salasiah Hanin Hamjah, 2008)	86
2.5	Model Pembinaan Modul Russell (Sumber: Russell, 1974)	110
2.6	Model Reka Bentuk Pembinaan Modul Sidek dan Jamaludin (2005)	112
2.7	Kerangka Konsep REBT-Tazkiyah An-Nafs	121
3.1	Proses Pembinaan Modul Bimbingan Integrasi Tazkiyah An-Nafs (MBITN) pelajar tahfiz (Sumber adaptasi Model Pembinaan Russell: Russell 1974)	178
3.2	Kerangka Carta Aliran Pemilihan Sampel Kajian Kuasi Eksperimen	198
3.3	Carta Aliran Pengagihan Sampel Berdasarkan Kelompok dalam Proses Intervensi dan Pengumpulan Data	248





SENARAI SINGKATAN

A	<i>Avent</i>
B	<i>Belief</i>
C	<i>Consequence</i>
CBT	<i>Cognitive Behaviour Therapy</i>
(α)	<i>Cronbach alpha</i>
D	<i>Dispute</i>
DPTN	Dasar Pendidikan Tahfiz Negara
DQ	Darul Quran
E	<i>Effects</i>
EQ	<i>Emotional Quotient</i>
ESQ	<i>Emotional Spiritual Quotient</i>
EEG	Elektroensefalogram
(Γ)	<i>gamma</i>
IBs	<i>Irrational Believe System</i>
IQ	<i>Intelegant Quotient</i>





IMKR	Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KRL	Kelompok Rawatan Lelaki
KRP	Kelompok Rawatan Perempuan
KKL	Kelompok Kawalan Lelaki
KKP	Kelompok Kawalan Perempuan
KD	Kuasa Dua
N	Kekerapan
MTN	Majlis Tahfiz Negara
PPB	Pelajar Pintar dan Berbakat
PERKEMAT	Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz Darul Quran
PMDQ	Persatuan Mahasiswa Darul Quran
IQRac	Persatuan <i>Intelligence Generation</i>
PPM	Persatuan Pemakanan Malaysia
U1	Pra ujian
U2	Pos ujian
REBT	<i>Rational-Emotive Behaviour Therapy</i>





RET	<i>Rational-Emotive Therapy</i>
RBs	<i>Rational Believe System</i>
SA	<i>Self Awareness</i>
SR	<i>Self Regulation</i>
SS	<i>Social Skill</i>
SQ	<i>Spiritual Quotient</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TRANSKEM	Transformasi Kecemerlangan Minda





SENARAI LAMPIRAN

- A Buku Modul Integrasi *Tazkiyah An-Nafs*
- B Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- C Borang Soal Selidik Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi
- D Borang Soal Selidik Kandungan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs*
- E Analisis Kajian Rintis Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi
- F Analisis Kajian Rintis Modul Kelompok Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs*
- G Analisis Kesahan Pakar dan Penilaian Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi
- H Analisis Kesahan Pakar dan Penilaian Modul Kelompok Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs*
- I Analisis Keputusan Kajian Awal (*Survey*)
- J Analisis Pemilihan Sampel Kajian
- K Analisis Keputusan Kajian Kuasi Eksperimen





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan secara mendalam berkaitan latar belakang kajian. Kajian ini juga dinyatakan secara terperinci tentang intervensi yang akan dijalankan kepada kelompok rawatan dari aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi berdasarkan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz. Selain itu, melalui bab ini akan membincangkan pernyataan masalah kajian, tujuan dan objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka





konseptual, kepentingan kajian, definisi pemboleh ubah, batasan kajian dan pengujian hipotesis kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini membincangkan aspek-aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi yang memberi kesan ke atas pembangunan diri pelajar tahfiz. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk melihat kesan intervensi berpandukan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum ini telah merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (Abbas, Syafrimen, & Erlina, 2018) bagi memastikan institusi pendidikan tahfiz negara terus subur dan diperkasakan. Dasar ini sangat tepat pada masanya memandangkan pendidikan tahfiz mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat namun perkara ini perlu dirangka dengan lebih jitu agar kurikulumnya dapat diselaraskan. Walaupun begitu, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara juga perlu bersifat menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan dalam bacaan dan hafalan semata-mata, malah perjalanan menghafaz Al-Quran memerlukan disiplin yang tinggi dan secara tidak langsung dapat membentuk peribadi atau sahsiah yang baik (Abbas et.al, 2018).





Di Malaysia, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kajian dalam bidang Al-Quran semakin mendapat sambutan yang menggalakkan (Ahmad, 2015). Institusi pendidikan tahfiz dari peringkat sekolah rendah dan menengah sama ada di madrasah, sekolah pondok, sekolah agama bantuan kerajaan atau sekolah agama swasta mahupun Maktab Rendah Sains Mara Ulu Albab sehinggalah peringkat institusi pengajian tinggi seperti di Darul Quran dan Maahad-Maahad Tahfiz Negeri tumbuh bagaikan cendawan. Berdasarkan perangkaan graduan tahfiz dari Institut Pengajian Tinggi Agama atau *Higher Religious Institutions* (HRI) dari tahun 1996 hingga 2017 seramai 2288 graduan siswazah, 68 peratus daripadanya adalah siswazah lelaki dan 32 peratus siswazah perempuan. Pada tahun 1996, hanya 18 orang pelajar lelaki dan tiada pelajar perempuan. Pada tahun 2017 jumlah pelajar bertambah seramai 136 pelajar lelaki dan 92 pelajar perempuan (Yusoff, Anuar, Asmuni, & Arif, 2018).



Pusat-pusat pengajian tahfiz menjadikan objektif pentarbiyahan akhlak sebagai asas utama dalam modal insan pendidikan tahfiz. Menurut Abbas et, al., (2018) proses hafalan Al-Quran adalah satu demonstrasi tingkah laku yang melibatkan disiplin mental dan fizikal. Proses hafazan Al-Quran dilakukan secara berulang-ulang dan berterusan selain memerlukan komitmen yang tinggi bagi menjaga adab. Ini adalah manifestasi tingkah laku berdasarkan disiplin dan terpuji dalam Islam. Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini menjurus kepada pembangunan diri pelajar tahfiz khususnya aspek psikologi yang berkaitan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi supaya langkah-langkah intervensi dapat dilakukan seterusnya dapat membangunkan potensi diri pelajar tahfiz dan kecemerlangan akademik mereka.





Pelajar tahfiz dari peringkat sekolah rendah hingga institusi pengajian tinggi merupakan aset yang bernilai kepada negara pada masa hadapan. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah yang memfokuskan bidang hafazan Al-Quran mula mendapat perhatian masyarakat. Maahad Tahfiz Al-Quran tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Kesedaran dan minat masyarakat khususnya ibu bapa terhadap pendidikan tahfiz semakin tinggi dalam sistem pendidikan di Malaysia, maka permintaan untuk menghantar anak-anak ke institusi tahfiz melebihi dari permintaan (Abbas et al., 2018).

Proses menghafal Al-Quran merupakan cabaran dan menguji kesabaran setiap pelajar dalam menghafal ayat-ayat Al-Quran. Tidak semua pelajar dapat menamatkan hafazan Al-Quran walaupun berada di institusi tahfiz (Umu Hani, 2014) malah ada juga yang gagal menamatkan pengajian hafazan kerana tidak memenuhi syarat-syarat pengajian (Darul Quran, 2014). Menurut Abdul Hafiz dan Hashimah (2004), kegagalan pelajar tahfiz ini berpunca daripada masalah dalaman dan masalah luaran yang dihadapi oleh pelajar itu sendiri. Menurut Azmil (2014) kesilapan dalam strategi pembelajaran juga mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar itu. Menurut Abbas et al. (2018), perjalanan menghafaz Al-Quran memerlukan disiplin yang tinggi dan secara tidak langsung dapat membentuk peribadi dan sahsiah yang baik. Umu Hani (2014) menyatakan selain strategi pembelajaran, kejayaan menghasilkan golongan *huffaz* ada berkait rapat dengan aspek psikologi iaitu motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi seseorang pelajar itu sendiri.



Menurut Azrinawati, Mohamad Afiq, Mohammad Khairi, dan Tan (2013), konsep pembelajaran sendiri dari aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar merupakan faktor yang mampu menggerakkan usaha mereka ke atas sesuatu matlamat pembelajaran. Justeru, walaupun pembangunan kerohanian telah banyak diketengahkan, namun hakikatnya karakter atau personaliti pelajar tahfiz itu sendiri yang mempengaruhi usaha dan kejayaan mereka dalam membentuk sikap, sahsiah dan disiplin yang tinggi. Menurut Abbas et al. (2018), proses hafalan Al-Quran adalah satu gambaran secara abstrak terhadap tingkah laku yang melibatkan disiplin mental dan fizikal.

Proses hafalan Al-Quran berlaku berulang-ulang secara berterusan selain keperluan menjaga adab yang memerlukan komitmen tinggi. Ini adalah manifestasi tingkah laku berdasarkan disiplin dan dianggap terpuji di dalam Islam. Individu yang terbina rohani, jasmani, akal dan emosinya adalah mereka yang dapat memimpin diri dan juga orang lain ke arah kecemerlangan dan keberkatan di dunia dan akhirat (Abdullah et al., 2015). Oleh itu, pembangunan diri pelajar tahfiz juga perlu dilihat berdasarkan karakteristik atau personaliti yang digambarkan nilai diri secara luaran mahupun dalaman.

Dalam *Allport's Theory of Traits* menjelaskan bahawa karakteristik individu berasal daripada faktor dalaman seseorang (Barkhuus & Csank, 1999). Manakala Nur Raina Novianti (2011) menjelaskan, karakter pelajar dikaitkan dengan kepelbagaian strategi yang disusun oleh pelajar sendiri dalam mencapai sesuatu matlamat





pembelajaran dan kehidupan. Jesteru, karakteristik pelajar tahfiz dapat difahami sebagai nilai personaliti seseorang yang menghafal Al-Quran, memiliki adab, menghormati, tingkah laku yang baik dan berakhlak tinggi. Walau bagaimanapun, ia bukanlah suatu sandaran kepada nilai semata-mata. Dunia hari ini memerlukan para *huffaz* yang profesional dari segi kepintaran intelektualnya, akhlak dan jati diri yang unggul disamping berdaya maju untuk mengorak langkah menerajui dunia (Abbas, 2018). Dalam revolusi industri 4.0, golongan *huffaz* juga berdepan dengan cabaran industri dalam konteks semasa.

Selain pembangunan diri pelajar tahfiz, pencapaian akademik juga merupakan satu perkara penting yang perlu dilihat. Menurut Azrinawati et al. (2013), antara faktor penting pencapaian akademik dengan melihat kepada aspek demografi, motivasi dan strategi pembelajaran. Motivasi berkaitan dengan karakteristik pelajar yang mendominasi faktor dalaman. Ia diperlukan ke atas diri seseorang pelajar tahfiz sebagai persediaan menghadapi pembelajaran (Nur Istifa'ah, 2009). Faktor dalaman motivasi juga merujuk kepada keadaan emosi, sikap, cabaran jati diri serta semangat atau intuisi dalaman individu. Intuisi dalaman terdiri daripada elemen nilai, jangkaan, afektif dan strategi pembangunan dalaman seseorang (Al-Masya'ilat, 2010). Sikap merupakan salah satu atribut nilai yang memperlihatkan tindak balas perlakuan atau tingkah laku pelajar (Ghazali Yusri, 2012).

Tingkah laku yang negatif seperti tidak hadir ke kuliah, tidak menyiapkan tugasan menunjukkan adanya gangguan ke atas faktor dalaman pelajar (Al-Masya'ilat,





2010). Riswandi (2013) menjelaskan situasi ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan dorongan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam diri pelajar terbabit. Selain itu, elemen nilai (*value*) juga merupakan faktor penting dalam konteks nilai (Ghazali Yusri, 2012). Oleh itu, kesedaran pelajar tahfiz terhadap amanah Allah SWT berhubung dengan nilai hafazan yang dibawa dapat memandu mereka lebih konsisten dalam usaha menghafal Al-Quran (Umu Hani, 2014).

Ada juga sebilangan pelajar tahfiz tergolong dalam kategori pelajar pintar dan berbakat (PPB). Menurut kajian lepas, penyesuaian sosial dan emosi pelajar pintar dan berbakat berkaitan dengan jenis kepintaran, penyesuaian pendidikan, dan ciri-ciri peribadi (Silverman, 1987; Neihart, Reis, Robinson, & Moon, 2002). Walau bagaimanapun, hasil kajian dari dalam dan luar negara menunjukkan pelajar pintar dan berbakat juga berhadapan dengan pelbagai tekanan sosio-emosi yang boleh menghalang perkembangan potensi mereka ke tahap yang maksimum (Lovecky, 1992; Abu Yazid & Aliza, 2009; Aliza & Hamidah, 2009; Scott, 2012; Verstenyinen, 2013).

Menurut Rosadah, Noriah, dan Melor (2009), pelajar pintar dan berbakat mempunyai potensi kepimpinan yang lebih tinggi berbanding pelajar pencapaian sederhana. Walau bagaimanapun, sebilangan dalam kalangan mereka mengalami masalah isu sosio-emosi yang boleh menjejaskan kesejahteraan psikologikal. Antara isu psikologi yang dialami adalah; masalah ketegangan emosi (*emotional intensity*), amat mementingkan kesempurnaan (*perfectionism*), kebimbangan yang tinggi, sensitiviti yang tinggi, keterujaan yang melampau (*overexcitability*), kepekaan terhadap





keadilan sosial yang tinggi, kritik diri yang tinggi, sukar mengadaptasi ke suasana yang baharu dan kurang kemahiran penyesuaian sosial dan komunikasi (Rosadah et al., 2009; Abu Yazid & Noriah, 2016).

Melalui kajian ini, penyelidik menggunakan intervensi kelompok bimbingan berpandukan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz. Responden pelajar tahfiz yang akan menjalani sesi kelompok bimbingan ini merujuk kepada analisis data min rendah motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi berpandukan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi yang diedarkan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana rawatan menggunakan pendekatan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dapat memberi kesan terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz. Diharapkan kajian intervensi ini memberi dimensi baharu bagi meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi supaya menghasilkan *huffaz* profesional.

Terdapat banyak program-program pembangunan insan di Darul Quran, JAKIM berbentuk orientasi pelajar berpandukan modul seperti Modul Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) dan Modul Mentor-Mentee di Darul Quran, namun begitu pembinaan modul tersebut tidaklah berasaskan kajian pembinaan modul secara sistematik dan berbentuk ilmiah Unit Psikologi Kaunseling (Darul Quran, 2017). Selain itu juga, terdapat modul-modul latihan yang dihasilkan seperti Modul Motivasi Diri (Jamaludin Ahmad & Nurul, 2011), Modul Bimbingan *Tazkiyah An-Nafs* Dan





Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Daya Tahan Remaja (Md Noor, 2012), Modul Kaunseling Kelompok Bimbingan Remaja Terhadap Motivasi, Kecerdasan Emosi, Asertif Dan Empati (Zainol, 2016) dan sebagainya, namun masih belum ada modul pembangunan diri khususnya melibatkan pelajar-pelajar tahfiz di Malaysia.

Lantaran itu, kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kualiti pelajar tahfiz dari aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi serta mencetuskan idea dijadikan panduan khususnya kepada institusi Tahfiz Negara di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) agar ianya menjadi sandaran dalam membangun sahsiah dan nilai-nilai kecemerlangan pelajar-pelajar tahfiz seluruh Malaysia.



1.3 Pernyataan Masalah

Tingkah laku pelajar digambarkan sebagai karakter atau personaliti nilai diri luaran dan dalaman. Menurut Lubis (2016), karakter merupakan tingkah laku baik atau buruk berdasarkan nilai. Manakala Nur Raina Novianti (2011) menyatakan karakteristik pelajar dikaitkan dengan cara perancangan pengajian yang disusun untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran. Karakteristik pelajar tahfiz pula digambarkan sebagai nilai personaliti yang baik, berbudi pekerti yang mulia, beradab, menjaga keterampilan dan menghafal ayat-ayat Al-Quran.





Walau bagaimanapun, kenyataan ini bertentangan dengan pandangan Abdullah Bukhari (2018) yang menyatakan terdapat sebilangan kecil masalah pelajar tahfiz pengotor, suka membuang sampah, tidak menepati masa dan malas menghayati (*murajaah*) isi Al-Quran yang dihafal. Antara faktor lain juga adalah kurangnya disiplin, kurang kemahiran pembimbing yang menyebabkan mereka tidak kisah terhadap persekitaraan (*biah*) cabaran semasa terutama berkaitan pembangunan sendiri seperti *soft-skill* dan *hard-skill*. Secara tidak langsung ianya memberi gambaran terhadap karakter pelajar tahfiz yang berada dalam kelompok tersendiri, tiada keyakinan diri, tidak mahir berkomunikasi dan berada dalam dunia tersendiri.

Masalah luaran pelajar-pelajar tahfiz ini disebabkan kerana pengurusan masa yang lemah dan gangguan persekitaran lain yang memberi kesan kepada keupayaan diri (Abdul Hafiz & Hashimah 2004; Abdul Hafiz 2007). Laporan dari Unit Psikologi Kaunseling, Darul Quran (2016) menyatakan kebanyakan pelajar-pelajar yang gagal di dalam peperiksaan (*dhur thani*) adalah disebabkan malas (67.4 peratus), konflik rakan sebaya (53.5 peratus), tiada jadual harian (72.1 peratus) dan suka menangguh tugas (65.1 peratus). Kenyataan ini juga disokong oleh Mohamad Marzuqi (2008) dan Abdullah Bukhari (2018) iaitu ada antara pelajar tahfiz kurang bermotivasi untuk mempraktikkan penulisan (*tahriri*). Mereka juga kurang membuat penyusunan jadual di dalam buku rekod, banyak masa terbuang disebabkan bermain gajet, layari media sosial dan sebagainya. Kegagalan pengurusan masa pelajar tahfiz merupakan punca kepada kurangnya masa untuk mengulang kaji hafazan (*murajaah*).





Umu Hani (2014) menyatakan situasi kurangnya motivasi dalam menghafal Al-Quran dan mengekalkan ayat Al-Quran ada kaitan dengan unsur paksaan. Hal ini kerana pelajar yang tidak bersemangat untuk menghafal Al-Quran seringkali merasakan terbeban dan tekanan diri sehingga tidak dapat mengawal emosi (Umu Hani, 2014). Ada juga yang dipaksa oleh keluarga untuk menghantar anak-anak ke institusi tahfiz sedangkan itu bukan kemahuan pelajar itu sendiri.

Selain dari pelajar, peranan guru juga merupakan sumber motivasi kepada para pelajar (Mohamad & Abdullah, 2018). Ini adalah disebabkan faktor kurang kesedaran, kurang bimbingan dan kurang motivasi membaca Al-Qur'an dengan betul (Hajarul Bahti, Ab Halim, Norshidah, & Mohd Huzairi, 2014). Kajian yang dilakukan oleh Abdul Hafiz dan Hashimah (2004) mendapati antara contoh masalah dalaman seseorang pelajar itu dikaitkan dengan kesedaran sendiri atau *self-awareness*.

Selain motivasi, masalah kecerdasan emosi juga timbul akibat kebimbangan yang melampau generasi sekarang jika dibandingkan dengan generasi terdahulu. Secara purata generasi sekarang mengalami kesepian, tekanan, cepat marah, lebih sukar dididik, gugup, cepat cemas dan agresif. Pengurusan emosi mempengaruhi tingkah laku seseorang pelajar tahfiz. Emosi sebagai satu keadaan yang dialami oleh pelajar yang melibatkan beberapa perubahan fisiologi, diri dan psikologi (Mohd Azhar, 2004). Apabila seseorang pelajar tidak mampu mengingat ayat Al-Quran dan tidak dibimbing dengan baik, mereka akan mengalami tekanan dan secara tidak langsung akan memberi kesan psikologi seperti kurang motivasi diri, cepat putus asa, menyendiri dan tiada





keyakinan diri sehingga tidak berminat menghadiri kelas tasmi dan akhirnya gagal dalam peperiksaan. Jika tidak dibendung, lama-kelamaan hafazan mereka akan luput dan hilang dari ingatan mereka (Muhammad Toriq & Mohd Zaharen, 2018)

Menurut Najib Ahmad Marzuki et al. (2003), kajian tentang kecerdasan emosi dan kompetensi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mendapati secara umumnya, pelajar-pelajar IPTA di Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan dari segi pengurusan emosi, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berbahasa Inggeris dan kemahiran teknologi maklumat. Semua ini ada kaitan dengan remaja generasi sekarang khususnya pelajar tahfiz yang mana mereka kini berhadapan dengan arus pembangunan industri 4.0 cabaran membina *soft-skill* dan *hard-skill* dalam kehidupan mereka.



Selain motivasi dan kecerdasan emosi, masalah resiliensi pelajar tahfiz juga turut dilihat dalam kualiti pelajar itu sendiri. Kualiti diri disebatikan dengan nilai-nilai resiliensi yang utuh, menyeluruh (holistik) dan seimbang. Pembentukan resiliensi atau daya tahan pelajar tahfiz secara holistik adalah penting bagi melahirkan modal insan yang bakal memacu kemasyhuran negara sehingga ke peringkat antarabangsa (Rorlinda, Noriah, Siti Aishah, & Afifah, 2016). Masalah yang dikenal pasti apabila seseorang pelajar tahfiz transisi pengajian mereka dari maahad tahfiz, sekolah menengah agama mahupun sekolah-sekolah pondok ke peringkat pengajian tinggi, mereka akan berhadapan dengan cabaran baharu. Resiliensi pelajar tahfiz di ertikan apabila pelajar tersebut berasimilasi dengan cabaran isu-isu baharu contohnya





keperluan teknologi, media sosial, komunikasi alam maya serta hiburan-hiburan yang melalaikan. Pelajar yang sedang menghafal ayat Al-Quran kini berada dalam resiliensi diri memilih, menyesuaikan dan mendisiplinkan diri dalam berhadapan dengan cabaran menghafal Al-Quran disamping keinginan dan keperluan teknologi semasa. Jika resiliensi pelajar tahfiz tidak utuh, mereka mudah dihanyutkan dengan gajet sehingga gagal memberi tumpuan dalam menghafal dan mengekalkan ayat-ayat Al-Quran.

Kajian di Barat menunjukkan rawatan dengan menggunakan pendekatan *Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT) berupaya meningkatkan psikologi (Sampl & Kadden, 2001; Shechtman & Pastor, 2005; Shiina et al., 2005). Selain kajian di Barat, dalam konteks kajian di Malaysia juga beberapa kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan REBT. Misalnya kajian Abd Malik (2004) dan Mohammad Nasir (2006) yang menggunakan pendekatan CBT dalam kaunseling kelompok untuk menangani remaja berisiko dan kajian Mahzan Mohd Saad (2013) merawat bimbingan sosial.

Walau bagaimanapun, integrasi kaunseling konvensional dengan spiritual masih kurang diamalkan dalam merawat masalah psikologi. Berdasarkan kajian lepas, ahli-ahli sosial berpandangan bahawa agama sebagai satu sumber psikologikal dan kestabilan sosial. Agama berperanan sebagai satu mekanisme dalam membantu menghadapi kesukaran kehidupan. Ini kerana institusi keagamaan dan sistem kepercayaan berfungsi sebagai mekanisme yang bersifat pencegahan (Karsodikromo, Hamzah, & Razalli, 2014). Sebagai umat Islam, pengkaji merasakan pengasingan





agama dengan kaunseling hendaklah di atasi dan menjadi kewajipan untuk membetulkan penyingkiran agama dalam rawatan kaunseling. Manfaatnya adalah sama seperti ilmu-ilmu lain yang dianugerahkan oleh Allah SWT sebagai jalan ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia.

Oleh sebab REBT dibangunkan dalam masyarakat yang berbeza dengan Malaysia, kemungkinan terdapat aspek-aspek dalam REBT yang boleh ditambah dengan menyuntik elemen-elemen spiritual dalam konteks masyarakat tempatan khususnya untuk pelajar tahfiz (Mohd Zaharen, Md Noor, & Mohammad Nasir, 2019a).

Di dalam intervensi kelompok bimbingan berasaskan modul mempunyai pengaruh terhadap pembentukan dan peningkatan tahap aspek psikologi iaitu motivasi (Webb et al., 2005); kecerdasan emosi (Child John, 2010) dan resiliensi (Kaplan, 1999). Kajian literasi juga menyokong bahawa pendekatan modul kelompok bimbingan berasaskan pendekatan teori REBT berjaya membantu mengurangkan keterlibatan pelajar dengan salah laku delinkuen (Abdul Malek, 2004; Mohammad Nasir, 2006). Oleh itu, pengkaji telah membina Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan memilih pendekatan Teori REBT dan integrasi dengan elemen *Tazkiyah An-Nafs* sebagai satu alternatif dalam usaha merawat masalah motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz yang rendah.





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian dilakukan adalah untuk membina dan menilai kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz di Darul Quran, JAKIM.

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah pembinaan modul bimbingan spiritual berperspektif Islam yang dikenali sebagai Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) berdasarkan prosedur pembinaan modul. Di samping itu, objektif kajian ini juga dilakukan untuk melihat kesan kelompok bimbingan kaunseling berstruktur dalam merawat rendah motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi yang dikenal pasti berdasarkan Instrumen Motivasi Kecerdasan Emosi dan Resiliensi.

Selari dengan tujuan kajian, objektif kajian yang digariskan adalah seperti berikut:

1. Membina Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN);
2. Mengukur kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN);
3. Mengukur kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN);





4. Mengukur kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) berdasarkan kajian kuasi eksperimen seperti berikut:

4.1: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) iaitu dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.1.1: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas motivasi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.1.2: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.1.3: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas resiliensi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.2: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas subkonstruk motivasi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.2.1: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan, dengan kelompok kawalan ke atas motivasi intrinsik;

4.2.2: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara





kelompok rawatan dengan kelompok kawalan ke atas motivasi ekstrinsik;

4.3: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas subkonstruk kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.3.1: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan ke atas Kecerdasan Terhadap Diri (*Self Awareness*);

4.3.2: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan ke atas Keupayaan Mengurus Emosi, (*Self Regulation*);

4.3.3: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan ke atas Kemahiran Sosial (*Social Skill*);

4.4: Untuk menguji kesan Modul Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas subkonstruk resiliensi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.4.1: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan ke atas Masa Hadapan;





4.4.2: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan ke atas Kemampuan;

4.4.3: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan ke atas Berdikari;

4.5: Untuk menguji kesan Modul Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi antara kelompok rawatan kelompok kawalan mengikut jantina;

4.5.1: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas motivasi antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan;

4.5.2: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas kecerdasan emosi antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan;

4.5.3: Untuk menguji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas resiliensi antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan.





1.6 Soalan Kajian

Persoalan-persoalan dalam kajian ini ialah:

1. Bagaimanakah Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dibina?
 - 1.1. Bagaimanakah proses pembinaan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN)?
 - 1.2. Adakah Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) mempunyai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang baik?
2. Apakah kesan rawatan kelompok bimbingan menggunakan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz?
 - 2.1. Adakah terdapat kesan rawatan kelompok bimbingan menggunakan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan min antara pra ujian dan pos ujian ke atas motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan?
 - 2.2. Adakah terdapat kesan rawatan kelompok bimbingan menggunakan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan min antara pra ujian dan pos ujian ke atas





subkonstruk motivasi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan?

2.3. Adakah terdapat kesan rawatan kelompok bimbingan menggunakan Modul Bimbingan *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan min antara pra ujian dan pos ujian ke atas subkonstruk kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan?

2.4. Adakah terdapat kesan rawatan kelompok bimbingan menggunakan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan min antara pra ujian dan pos ujian ke atas subkonstruk resiliensi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan?



2.5. Adakah terdapat kesan rawatan kelompok bimbingan menggunakan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dengan mengukur perbezaan min antara pra ujian dan pos ujian ke atas motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi antara kelompok rawatan kelompok kawalan mengikut jantina?

1.7 Hipotesis Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian awal dan kajian kuasi eksperimental. Melalui kajian awal, hipotesis dibina bagi mendapatkan data secara





statistik perbezaan dengan menggunakan analisis deskriptif, inferansi, ujian-t dan *manova* berdasarkan objektif kajian yang dibentuk. Data statistik yang berkaitan dengan tujuan kajian yang dinyatakan ini bagi melihat perbezaan skor ujian pra dan ujian pos aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan persoalan kajian kuasi eksperimen, hipotesis-hipotesis berikut di bina:

Hipotesis 1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang rendah motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi.



- 1.1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian motivasi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar tahfiz.
- 1.2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar tahfiz.
- 1.3: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian resiliensi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar tahfiz.

Hipotesis 2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian subkonstruk motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

- 2.1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian motivasi intrinsik kelompok rawatan dan kelompok kawalan.





2.2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian motivasi ekstrinsik kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

Hipotesis 3: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian subkonstruk kecerdasan emosi iaitu Kecerdasan Terhadap Diri, Keupayaan Mengurus Emosi dan Kemahiran Sosial kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

3.1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian Kecerdasan Terhadap Diri kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

3.2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian Keupayaan Mengurus Emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

3.3: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian Kemahiran

Sosial kelompok rawatan dan kelompok kawalan.



Hipotesis 4: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian antara subkonstruk resiliensi iaitu Masa Hadapan, Kemampuan dan Berdikari kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

4.1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian Masa Hadapan kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

4.2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian Kemampuan kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

4.3: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian Berdikari kelompok rawatan dan kelompok kawalan.





Hipotesis 5: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi kelompok rawatan dengan kelompok kawalan berdasarkan jantina.

- 5.1: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian motivasi kelompok rawatan dan kelompok kawalan berdasarkan jantina.
- 5.2: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan berdasarkan jantina.
- 5.3: Terdapat perbezaan yang signifikan skor pra ujian dan pos ujian resiliensi kelompok rawatan dan kelompok kawalan berdasarkan jantina.



1.8 Kerangka Konseptual

Bahagian ini akan menjelaskan kerangka konseptual kajian yang digambarkan dalam satu model serta perkaitan antara pemboleh ubah yang terlibat. Kerangka konseptual mengandungi idea asas "apa" yang hendak dikaji dan kepada "siapa" penyelidikan akan dilaksanakan (Shahabuddin, Rohizani, & Mohd Zohir, 2007). Dapatan ini akan bertindak sebagai panduan kepada pengkaji untuk memfokuskan penyelidikan yang akan dilakukan. Kerangka konsep ini berfungsi untuk menghubungkan atau menjelaskan secara luas tentang suatu topik yang akan dibahas.






Dalam kajian ini, kerangka konseptual akan memberikan gambaran dan mengarahkan andaian mengenai pemboleh ubah - pemboleh ubah seperti motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi yang akan diteliti. Kerangka konseptual memberikan petunjuk kepada pengkaji di dalam merumuskan masalah kajian. Pengkaji akan menggunakan kerangka konseptual yang telah disusun untuk menentukan pertanyaan-pertanyaan mana yang akan dijawab oleh pengkaji dan bagaimana prosedur empiris yang digunakan sebagai alat untuk menemukan jawapan terhadap pertanyaan tersebut.

Kerangka konseptual bertujuan untuk mendapat gambaran secara ringkas bagaimana kajian dilakukan terhadap responden dilapangan. Secara ringkasnya, kerangka konseptual merupakan kerangka kajian khusus bagaimana bermulanya kajian ditunjukan pemilihan sampel berdasarkan pada Rajah 1.1.





Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

Kajian ini bertujuan membina Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) di samping mengkaji kesan modul ke atas motivasi, kecerdasan emosi dan



resiliensi pelajar tahfiz. Berdasarkan tujuan kajian, penyelidikan ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama adalah proses pembinaan modul manakala fasa kedua adalah untuk mengukur kesan modul yang telah dibina terhadap beberapa pemboleh ubah yang dikenal pasti. Dalam fasa pertama, kajian menumpukan kepada pembinaan modul bimbingan berperspektif Islam yang dikenali sebagai Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN). Proses pembinaan modul akan diuraikan di dalam bab 2.

Dalam fasa kedua pula adalah kajian kuasi eksperimental. Seramai 60 orang sampel diperolehi daripada kalangan lelaki dan perempuan. Pemilihan sampel kajian dilakukan bertujuan untuk melihat kesan intervensi Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) terhadap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi terhadap kelompok rawatan dan kelompok kawalan seramai 60 orang (30 lelaki dan 30 perempuan) yang dikenal pasti berdasarkan skor rendah motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi.

Penyelidik akan mengadakan Inventori Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi sebagai pos ujian (*post-test*) bagi menguji kesan kelompok rawatan dan kelompok kawalan melalui SPSS ver 20.1 untuk melihat kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) iaitu dengan mengukur perbezaan pra ujian dan pos ujian ke atas motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan.





Bagi melihat kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN), sesi kelompok bimbingan akan dijalankan kepada tujuh bahagian iaitu Sesi 1: (A) Membina hubungan ahli kelompok. Penekanan yang diberikan adalah peristiwa yang telah dilalui dan mengenali hakikat kejadian (*Ma'rifah al-nafs*). Sesi 2: (B) Mentaksir masalah kepercayaan rasional dan tidak rasional serta integrasikan dengan mengenali hati (*Ma'rifah al-nafs*). Sesi 3: (C) Kesan psikologi yang dihadapi; menyediakan ahli kelompok untuk proses terapi. Pada tahap ini, klien akan didedahkan dengan kesan terhadap psikologi terhasil dan mengenali tanda-tanda penyakit hati (*Ma'rifah al-nafs*). Sesi 4: (D) Mencabar atau berhujah kepada perbincangan pemikiran tidak rasional serta menyuntik elemen pembersihan hati (*Takhalli*) serta pengisian hati (*Tahalli*).



Seterusnya, bagi sesi 5: (E) Kesan terhadap kesihatan emosi; memandu kearah emosi stabil (celik akal). Pada masa ini, kepercayaan baharu terhasil dan klien diminta untuk membuat penilaian diri (*Muhasabah*). Sesi 6: (F) Mengatur strategi sokongan. Pada masa inilah kaunselor bersama-sama klien akan membina matlamat baharu untuk berhadapan dengan masa hadapan. Bukan itu sahaja, kaunselor akan mengajak klien bersama-sama melakukan perkara-perkara kebaikan untuk kebahagiaan dunia dan akhirat (*Al-Saadah*). Bahagian terakhir ialah Sesi 7: Penamatan. Kesemua konsep ini akan memberikan kesan kepada perkembangan diri individu bagi meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi seterusnya dapat memberi kesan positif terhadap psikologi yang terhasil.





1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan kesan positif kepada pelajar-pelajar tahfiz khususnya dari segi pembangunan sendiri dalam kesejahteraan psikologi dari aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Dunia hari ini memerlukan para *huffaz* yang profesional dari segi kepintaran intelektualnya, akhlak dan jati diri yang unggul disamping berdaya maju untuk mengorak langkah menerajui dunia (Fauzan & Mohamad, 2017). Oleh sebab itulah pengkaji ingin membuat kajian terhadap masalah yang dikaji serta melakukan intervensi berpandukan modul dalam meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi.



Selain dari itu, diharapkan kajian ini dapat membantu Institusi Darul Quran, JAKIM bagi meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat yang berhadapan dengan cabaran pengajian. Menurut Muhammad Toriq dan Mohd Zaharen (2018), antara masalah-masalah yang dikenal pasti seperti tidak masuk kelas *tasmi'* atau lewat menghadiri kelas, *self-esteem* yang rendah, tiada pendedahan tentang hala tuju kerjaya, cepat berputus asa apabila tidak dapat menghafal Al-Quran, merasa terbeban, menyendiri, memendam perasaan, sedih, tekanan dalam menghafal Al-Quran, sensitif, konflik rakan sebaya, ketagihan bermain gajet, merokok, vape, berhutang, pengurusan diri yang lemah, tidak menjaga kebersihan diri dan tempat tinggal di asrama dan sebagainya. Semua isu-isu ini adalah berkaitan dengan karakter peribadi ataupun sahsiah diri.





Menurut Lukman Hakimi Ahmad (2014), pembentukan sahsiah amat ditekankan oleh Islam kerana sahsiah yang mantap dapat melahirkan ketulusan (*iqthan*) terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Sahsiah dalam Islam bermaksud peribadi seseorang yang mempunyai nilai kekuatan. Nilai-nilai tersebut berpaksikan kepada dua elemen, iaitu kekuatan iman dan kekuatan fizikal.

Memandangkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi merupakan satu elemen penting dalam pembangunan diri pelajar tahfiz, maka kajian ini perlu dilakukan bagi menilai kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN). Maklumat tentang pencapaian akademik dan disiplin juga perlu diketahui, seterusnya rawatan dan pencegahan yang sewajarnya boleh dilaksanakan berpandukan kajian ini. Kajian dari Stephens et al. (2010) dan Harel et al. (2012) menyatakan penggunaan teknik kelompok bimbingan mudah dijalankan kepada pelajar di sekolah. Oleh itu, jelaslah Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) juga boleh dilakukan kepada pelajar sekolah, maahad tahfiz, sekolah menengah agama, kolej, institusi-institusi pengajian tinggi, organisasi awam dan swasta khususnya pelajar-pelajar tahfiz di seluruh Malaysia.

Sebagai rumusan daripada kepentingan kajian ini, diharapkan ianya dapat memberi impak pembangunan diri pelajar tahfiz dan juga pelbagai pihak khususnya kepada kepentingan perkembangan ilmu dan teori. Didapati kajian modul pembangunan insan khusus melibatkan pelajar-pelajar tahfiz dari aspek psikologi masih kurang diberi perhatian. Hanya sebilangan modul pembangunan pelajar tahfiz





yang ada seperti Modul Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) peringkat Pensijilan Tahfiz DQ-UIAM, Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat dan Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Sunnah USIM-DQ dilaksanakan kepada pelajar sewaktu mendaftar masuk ke Darul Quran, JAKIM. Namun, modul-modul yang digunakan hanyalah tertumpu kepada keperluan dan matlamat organisasi tanpa memenuhi prosedur-prosedur pembinaan modul sebenar (Md Noor, 2012). Justeru, sukar untuk mengukur keberkesanan sesebuah modul tersebut secara ilmiah.

1.9.1 Kepentingan Kajian kepada Perkembangan Ilmu dan Teori



Menurut Tajiri (2015), walaupun teori saintifik telah lama dibangunkan di Barat, tetapi terdapat juga kelemahan dalam menjelaskan fenomena tingkah laku manusia. Bimbingan dan kaunseling semata-mata dilihat sebagai masalah keduniaan semata-mata, sebaliknya ramai diantara individu mengakui adanya kehidupan setelah mati. Demikian juga dengan masalah-masalah yang dikaji tidak pernah dikaitkan dengan dosa dan pahala. Sedangkan dalaman diri manusia yang beragama selalu tertanam makna dosa dan pahala. Ini adalah disebabkan Bimbingan dan Kaunseling pada masa itu diasingkan dengan spiritual. Pada perkembangan selanjutnya barulah mereka menyedari bahawa pada diri manusia ada potensi lain yang turut bersama dalam menentukan seluruh aktiviti dalam kehidupan manusia yang dikenali spiritual.





Perkembangan kaunseling sudah mula melihat elemen agama sebagai satu keperluan yang penting dan menyumbang kepada perkembangan diri manusia. *American Psychological Association* (APA) dan *American Counseling Association* (ACA) telah mengiktiraf dan mengakui bahawa agama adalah satu elemen yang perlu dihormati (Md Noor, 2012). Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang positif di antara agama dengan kesihatan mental, psikologikal dan spiritual di samping membantu mengatasi pelbagai masalah kecelaruan yang dihadapi manusia.

Dapatan kajian ini secara langsung dapat memperkembangkan lagi ilmu berkaitan bimbingan dan kaunseling berasaskan teori REBT iaitu konsep ABCDEF dan digabungkan dengan elemen spiritual. Antara penemuan pembinaan yang dimaksudkan adalah Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) yang berterasaskan pendekatan Terapi Rasional Emotif Perlakuan atau *Rational Emotive Behavior Therapy* dan integrasi dengan *Tazkiyah An-Nafs* (Mohd Zaharen, Md Noor, & Mohammad Nasir, 2019b).

1.9.2 Kepentingan Kajian kepada Amalan Bimbingan dan Kaunseling

Diharapkan kajian pembangunan pelajar tahfiz ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna bagi memartabatkan profesion bimbingan dan kaunseling di Malaysia. Selain daripada kepentingan kepada pengamal-pengamal kaunseling, kajian ini turut membangkitkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz. Jabatan





Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wajar memberi sokongan agar Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dapat meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi dalam melahirkan *huffaz* profesional dalam pelbagai bidang (Fauzan & Mohamad, 2017).

Sehubungan dengan itu, integrasi REBT-*Tazkiyah An-Nafs* merupakan satu perkembangan yang perlu diketengahkan bagi mendepani pelbagai isu dalam dunia bimbingan dan kaunseling. Kajian-kajian di barat yang mengorak langkah kepada intervensi yang mencerap kepada aspek spiritual dan agama menunjukkan keberkesanan dalam proses membantu. Intervensi agama dapat meningkatkan kesihatan mental, mengurangkan ketegangan dan kebimbangan. Kajian ini dapat menyumbang kepada amalan bimbingan dan kaunseling yang mencerap elemen agama sebagai satu alternatif dalam proses membantu.

1.9.3 Kepentingan Kajian kepada Masyarakat

Berdasarkan perkembangan semasa, terlalu banyak isu-isu yang dikaitkan dengan permasalahan nilai moral yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan agama yang longgar. Dalam hal yang demikian, perlunya satu bentuk rawatan khusus yang berkait rapat dengan pendekatan integrasi teori kaunseling dan spiritual. Diharapkan modul yang dibina dapat dijadikan garis panduan dalam pelaksanaan rawatan oleh pengamal kaunseling dan juga mereka yang terlibat secara langsung dalam





pembangunan insan sama ada jabatan kerajaan, swasta, jabatan agama atau jabatan-jabatan lain khususnya institusi-institusi tahfiz (Mohd Zaharen et al., 2019b).

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama adalah pembinaan modul, kajian kesahan dan kebolehpercayaan. Bahagian kedua pula adalah mengkaji kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN). Terdapat beberapa batasan kajian yang meliputi aspek sampel kajian, skop instrumen motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi, kesahan modul dan kebolehpercayaan modul. Bagi mendapatkan maklumat kajian pembinaan modul dan kajian kuasi eksperimen, beberapa batasan dikenakan.

Pengkaji hanya melibatkan pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat semester 4 sahaja memandangkan pelajar ini yang berada dalam pertengahan semester iaitu antara semester 1 hingga semester 6. Oleh itu, had batasan dalam kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pelajar semester 4 sahaja. Ini adalah kerana pelajar semester 1 baharu sahaja berada di Darul Quran, manakala pelajar semester 6 pula akan menamatkan pengajian bagi penghujung semester akhir program Diploma. Sampel kajian awal hanya diedarkan kepada pelajar Diploma semester 4 seramai 177. Ini disebabkan kerana faktor jangka masa tertentu dan tidak boleh mengganggu masa belajar *tasmi'*, waktu kuliah, masa beriadah atau masa untuk menghafal Al-Quran setiap





malam. Pemilihan sampel kajian awal dilakukan secara rawak berfokus yang melibatkan pelajar lelaki dan perempuan.

1.11 Definisi Pemboleh Ubah Konseptual dan Operasional

Bahagian ini akan membincangkan tentang definisi pemboleh ubah operasional dalam konteks kajian. Definisi pemboleh ubah yang akan disentuh ialah kelompok bimbingan berdasarkan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) pelajar tahfiz Darul Quran, serta elemen psikologi seperti motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi.



1.11.1 Modul Bimbingan Integrasi

Konseptual:

Modul adalah merujuk pakej pembelajaran sendiri yang direka secara terancang dan sistematik. Ia menggabungkan pendekatan sistem dan humanistik (Shahrom & Yap, 1991). Modul bermaksud sub-sub modul yang terkandung dalam satu keseluruhan modul yang lebih besar. Ia merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil





yang lain (Sharifah Alwiah, 1981). Modul merupakan unit pengajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan fasilitator, guru mahupun pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat (Sidek & Jamaludin, 2005). Dalam bidang pendidikan, modul boleh dianggap sebagai unit-unit media bagi memudahkan pemahaman pelajar. Dalam bidang motivasi, modul merupakan satu bahan, alat dan sumber yang mengandungi pelbagai aktiviti telah dirancang secara sistematik bagi memudahkan fasilitator memahami dan menguasai objektif-objektif yang telah ditetapkan (Sidek & Jamaludin, 2005).

Operasional:



Modul Bimbingan Integrasi dalam kajian ini merujuk kepada Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) yang dibangunkan oleh pengkaji. Ianya merupakan salah satu intervensi dalam membantu ahli kelompok memahami dirinya seterusnya menggunakan kebolehan dan keupayaan diri untuk berubah dan berkembang. Modul bimbingan ini mengandungi pelbagai aktiviti yang dirancang secara sistematik berdasarkan teori dan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Ia merupakan satu pakej pembelajaran terancang dan berurutan yang boleh digunakan sebagai bimbingan oleh pengamal kaunseling atau mereka yang terlibat dengan profesion membantu di samping boleh digunakan sebagai pembelajaran sendiri (Md Noor, 2012).





1.11.2 Kelompok Bimbingan

Konseptual:

Menurut Gladding (2003), bimbingan melibatkan bantuan bagi membantu individu tersebut membuat keputusan ke arah matlamat yang positif supaya memberi kesan perkembangan mental, sosial, intelek, fizikal, emosi, kejiwaan dan kerohanian (Shertzer & Stone, 1981). Ianya adalah satu proses membantu individu memahami persekitaran agar menggunakan keupayaan dan bakat yang ada pada dirinya (Abdul Malek, 2004).



Menurut Myrick (1993), jumlah ahli kelompok bimbingan kecil hanya sekitar 6 hingga 15 orang sahaja, manakala kelompok bimbingan besar pula melebihi 15 hingga 100 orang atau tiada terhad bilangan ahlinya. Namun, peserta perlu dihadkan bergantung kepada bilangan fasilitator yang mengendalikannya. Proses aktiviti bimbingan dilakukan sama ada secara individu atau kelompok. Menurut Ida Hartina (2006), kelompok bimbingan banyak dilakukan di *setting* sekolah bagi membantu proses membimbing pelajar. Perkhidmatan bimbingan berbeza dengan kaunseling kerana tumpuan lebih kepada penyebaran maklumat berbanding penerokaan secara mendalam. Terdapat dua kelompok bimbingan iaitu kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar.





Operasional:

Dalam kajian ini, kelompok bimbingan *Tazkiyah An-Nafs* hanya melibatkan kelompok kecil iaitu seramai 15 orang sahaja dalam satu kelompok. Kelompok-kelompok bersaiz kecil ini membolehkan perbincangan lebih mendalam serta memudahkan komunikasi antara fasilitator dengan peserta lebih jelas. Fokus kelompok bimbingan adalah untuk menyebarkan maklumat pendidikan, kerjaya dan psikososial (Ida Hartina, 2006). Bentuk bimbingan yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan matlamat kajian, iaitu untuk meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi.



Pendekatan REBT dan *Tazkiyah An-Nafs* dengan menggunakan model kelompok bimbingan yang berstruktur akan memberi kesan positif untuk meningkatkan psikologi pelajar tahfiz. Antara teknik yang digunakan dalam Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* untuk kajian ini ialah berbentuk psikopendidikan, aktiviti pendedahan, perancangan pembangunan diri dan penstrukturan semula kognitif yang dijalankan selama tujuh sesi. Kesan Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* dalam kelompok bimbingan ini diukur berdasarkan ujian pra dan ujian pos berdasarkan Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi.





1.11.3 *Tazkiyah An-Nafs*

Konseptual:

Tazkiyah An-Nafs merupakan satu usaha gigih dan bersungguh-sungguh dalam membersihkan dan menyucikan jiwa dari sifat-sifat yang tercela. Menurut Che Zarrina dan Nor Azlinah (2016), *Tazkiyah An-Nafs* adalah satu proses peralihan daripada jiwa yang kotor, ternoda dan tercemar dengan dosa-dosa dibaiki menjadi jiwa yang suci bersih. Seperti hati yang tidak mengikut peraturan syariat kepada hati yang mengikut kepada tuntutan syariat, daripada hati yang kafir kepada hati yang mukmin, daripada munafik kepada bersikap jujur, amanah dan berintegriti, dari sifat dendam digantikan dengan pemaaf, *tawaddu'*, *tawakkal*, terkawal dan sebagainya.

Menurut Che Zarrina dan Nor Azlinah (2016), *Tazkiyah An-Nafs* merupakan penyucian (*al-Tazkiyah*) dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *zaka'* yang bererti suci. *Al-Tazkiyah* bererti tumbuh, suci dan berkat. Oleh itu, *Tazkiyah* merupakan satu perbuatan ke arah penyucian diri luaran dan dalaman seperti memberi *zakat* sebagai menyucikan harta, membersihkan jiwa daripada sifat kikir, bangga diri, sombong dan sebagainya dalam kehidupan. Imam al-Ghazali melihat pembinaan personaliti seseorang merangkumi keseluruhan individu secara holistik. Ianya meliputi dua aspek utama iaitu aspek jasmani dan rohani (Imam Ghazali, 2004). Kedua-dua aspek ini saling mempengaruhi antara satu sama lain. Namun demikian, aspek





kerohanian lebih mempunyai pengaruh terhadap perkembangan dan perlakuan personaliti seseorang.

Operasional:

Bagi penyelidik, *Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT) dalam teori kaunseling perlu disimbolisasikan bersama *Tazkiyah An-Nafs* dalam merawat tingkah laku secara bersepadu disusuli beberapa pendekatan praktikal terapis dan amalan kerohanian. Dengan adanya usaha mengintegrasikan konsep REBT dengan *Tazkiyah An-Nafs*, ianya dapat menghasilkan satu kemahiran dalam menyelesaikan masalah secara komprehensif dari pelbagai aspek tingkah laku, emosi dan spiritual.



1.11.4 Motivasi

Konseptual:

Menurut Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2002), motivasi didefinisikan sebagai keadaan dalaman yang menggerakkan dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang akan diukur melalui Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi. Manakala Weiner (1992) pula menyatakan motivasi merupakan





pengaruh terhadap tingkah laku seseorang itu sama ada ianya wujud, kekal atau diabaikan. Ia turut berupaya mendorong pilihan tingkah laku yang perlu dibuat oleh individu tersebut. Terdapat pelbagai teori yang menerangkan perkaitan di antara aspek motivasi dengan faktor-faktor yang mendorong tindakan atau tingkah laku seseorang manusia. Teori-teori dalam motivasi menjelaskan bahawa setiap manusia mempunyai sebab dan bukan berlaku secara kebetulan (Ma'rof Redzuan, 2001).

Proses motivasi bermula dengan lahirnya keinginan atau wujudnya keperluan dalam diri seseorang manusia. Keinginan dan keperluan yang wujud dalam diri seseorang mendorong untuk bertindak bagi memenuhi keperluan tersebut. Perasaan kepuasan muncul dalam diri seseorang apabila keperluan tersebut dapat dipenuhi (Huffman, 1994). Keperluan yang wujud dapat menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh seseorang manusia. Matlamat yang jelas berupaya menggerakkan tingkah laku seseorang manusia bagi mencapai sesuatu matlamat yang dikehendaki atau diharapkan (Husain, 1997).

Operasional:

Dalam konteks kajian ini, motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang pelajar tahfiz yang mendorong untuk berusaha menghafal ayat Al-Quran dengan lebih berkesan. Elemen motivasi dalam kajian ini adalah motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Menurut Deci dan Ryan (2000), motivasi intrinsik mencerminkan kecenderungan manusia semula jadi untuk belajar dan





mengasimilasikan. Motivasi intrinsik ditakrifkan sebagai sesuatu aktiviti yang memberi kesan kepada kepuasan diri. Keseronokan berhadapan cabaran, tekanan sehingga mendapat ganjaran kejayaan sehinggalah membuatkan seseorang itu akan berusaha bersungguh-sungguh matlamat untuk dirinya.

Manakala motivasi ekstrinsik dikatakan berbeza dengannya kerana bersifat autonomi relatif dan dengan itu sama ada boleh mencerminkan kawalan luaran atau peraturan diri yang benar. Motivasi ekstrinsik merupakan motivasi yang berasal dari luar atau rangsangan dari luar. Motivasi ini berlaku disebabkan pengaruh luar seperti seseorang yang ingin mendapatkan sesuatu kerana faktor luaran seperti diarahkan untuk melakukan atau diminta oleh orang lain. Contohnya, pelajar diminta untuk belajar dengan tekun, diberikan tugas kerja sekolah dan diadakan kelas tambahan supaya mendapat pencapaian cemerlang dalam peperiksaan.

Dalam Teori Penentuan Diri (SDT; Deci & Ryan, 1985) membezakan antara pelbagai jenis motivasi berdasarkan sebab-sebab atau matlamat yang berbeza yang menghasilkan tindakan. Dari segi memupuk pengintegrasian, nilai-nilai dan tingkah laku (Deci & Ryan, 1985), sekiranya motivasi ini tidak ada dalam diri seseorang pelajar, maka sebenarnya mereka terdorong untuk belajar bukan kerana keinginan mendapatkan ilmu tetapi oleh kerana paksaan, keinginan dan pengharapan yang tinggi daripada ibu bapa.





1.11.5 Kecerdasan Emosi

Konseptual:

Menurut Mohd Azhar (2004), emosi digambarkan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan. Tahap kecerdasan emosi pelajar tahfiz juga dipengaruhi sewaktu menghadapi ujian menghafal Al-Quran. Antara faktor tidak dapat menjawab peperiksaan lisan atau bertulis adalah disebabkan kebimbangan yang melampau sehingga takut melakukan kesilapan. Emosi seseorang dapat mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Manakala kecerdasan pula, merupakan kebolehan memahami, merasai dan berfikir dengan baik dan logik, dapat menyelesaikan masalah, bertutur dengan lancar, menguasai perbendaharaan kata yang baik, memahami makna, ingatan yang baik dan pengetahuan yang luas (Ishak, 2005).

Menurut Goleman (1995), tahap kecerdasan emosi seseorang individu adalah merupakan faktor utama kepada penentuan kejayaan seseorang, terutamanya pelajar. Dalam bukunya, *Emotional Intelligence*, beliau berpendapat bahawa kecemerlangan seseorang individu adalah bergantung kepada 20 peratus daripada kecerdasan intelek dan 80 peratus adalah bergantung kepada pengurusan emosi secara berkesan. Kecerdasan emosi dapat dijadikan sebagai panduan bagi mewujudkan pendidikan yang berkualiti (Uno, 2006). Walaupun pelajar tahfiz mempunyai tahap kebolehan yang





hampir sama tetapi pencapaian akademik mereka adalah berbeza. Hal ini disebabkan kecerdasan emosi mempengaruhi tahap pencapaian mereka.

Ilias dan Yaakub (1997) mentakrifkan kecerdasan sebagai kebolehan menaakul dengan baik dan logik, kebolehan menyelesaikan masalah, kebolehan bertutur dengan lancar, kebolehan membaca dengan meluas, menguasai perbendaharaan kata yang baik, kebolehan membaca dengan kefahaman, kebolehan menulis dengan baik, ingatan yang baik dan pengetahuan yang luas. Mahmood Nazar Mohamed (1992) berpendapat emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Dalam kajian ini, emosi memainkan peranan yang utama bagi menilai tahap kecerdasan emosi mereka yang akan diukur melalui Instrumen Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi.

Menurut Corrie (2009), kecerdasan emosi merupakan salah satu cara untuk memahami dan membentuk bagaimana manusia berfikir, rasa dan tingkah laku. Personaliti atau ego adalah dibentuk melalui emosi individu, fizikal, dan mental yang menjadikannya satu kombinasi yang unik. Walaupun setiap manusia mempunyai bentuk badan yang serupa, minda dan pemikiran yang serupa setiap dari ini adalah berbeza sama sekali yang menjadikan seseorang itu sebagai seorang individu. Perbezaan penerimaan setiap pelajar tahfiz terhadap pengajaran dan pembelajaran adalah tidak sama dinilai. Bagi pelajar berlatar belakang pengajian sekolah agama, sekolah tahfiz, sekolah swasta mahupun sekolah kebangsaan yang mempunyai





pengalaman pengajian yang berbeza dan penerimaan mereka tidak sama disebabkan ada yang sudah mengkhataam dan menghafal Al-Quran dan ada yang belum menghafal.

Menurut Dom (2009), konsep kecerdasan emosi ini perlu dibentuk bermula daripada kanak-kanak lagi. Dengan ini, ia akan membolehkan mereka menjadi seorang yang lebih peka kepada persekitaran dan perasaan orang lain. Menurut beliau lagi, oleh kerana individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih mudah menerima dan memahami persekitaran dan masalah yang dihadapi dalam kehidupan, jadi sudah pastinya mempunyai jalan kehidupan yang mudah. Selain itu juga, beliau berpendapat terdapat beberapa ciri-ciri individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Ianya adalah mudah melahirkan perasaannya dengan jelas dan tulus, tidak takut untuk melahirkan perasaannya, tidak menjadi hamba kepada perasaan negatif seperti takut, risau, malu, bersalah dan kecewa, boleh memahami komunikasi berbentuk lisan dan tidak lisan, membenarkan perasaannya dengan bijaksana membimbing jalan hidupnya, menyeimbangkan perasaan dengan alasan logik dan benar, merasakan diri berupaya, boleh memotivasikan diri, memberi penekanan dan pengharapan kepada kejayaan, tidak menghayati kegagalan, berminat terhadap perasaan orang lain dan boleh mengenal pasti pelbagai perasaan.

Operasional:

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengukur kecerdasan emosi kepada tiga bahagian kecerdasan sahaja. Iaitu Kecerdasan Terhadap Diri (*Self Awareness*), Keupayaan





Mengurus Emosi (*Seft Regulation*) dan Kemahiran Sosial (*Social Skill*). Bar-On (1996) mendefinisikan model kecerdasan emosi yang telah diperkenalkan sebagai satu keupayaan yang berkaitan dengan emosi dan pengetahuan sosial yang mempengaruhi kemampuan seseorang untuk menghadapi cabaran-cabaran persekitarannya dengan berkesan.

1.11.6 Resiliensi

Konseptual:



Menurut Richardson, Neiger, Jensen, dan Kumpfer (1990), resiliensi merujuk kepada mereka yang dapat menahan diri dan dapat mengadaptasi diri dalam suasana yang tertekan. Sejarah awal kajian resiliensi terhadap kanak-kanak yang dilahirkan dalam keadaan kemiskinan (Johnson & Wiechelt, 2004). Dalam kajian tersebut, beliau telah mengkaji perkembangan kehidupan kanak-kanak seramai 505 orang yang dilahirkan pada tahun 1955 di Kauai bermula dari peringkat kelahiran, peringkat bayi, peringkat awal dan peringkat pertengahan kanak-kanak, peringkat akhir remaja dan peringkat dewasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa dua per tiga daripada kanak-kanak yang dilahirkan dalam kemiskinan ini membangun menjadi golongan belia dewasa yang bermasalah, namun, satu per tiga daripada maklumat kajian didapati telah berjaya sebagai belia dewasa yang kompeten dan penyayang.





Menurut Wagnild dan Young (1993) daya tahan dikenali sebagai resiliensi, kecekapan sosial dan psikologi berasaskan ketenangan perasaan dan fikiran, ketekunan dan kesungguhan, tidak merasai keseorangan dan yakin pada diri sendiri. Ia juga dapat bertindak sebagai penampan (*buffer*) kepada segala pengalaman negatif yang dialami oleh individu, dan sebagai faktor pencegah yang dapat mengawal stres. Resiliensi dipengaruhi oleh faktor sikap optimis, sokongan sosial dan pegangan agama (Tarakeshwar, Hansen, Kochman, Fox, & Sikkema, 2006).

Resiliensi secara umumnya bermaksud sifat individu yang unik dan istimewa dari banyak segi termasuk rangkuman nilai, adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Ciri-ciri istimewa tersebut bersifat tulen yang menjadi teras dalam pembentukan watak, sahsiah dan menjadi lambang keperibadian individu atau sesuatu bangsa (Mohd Yusof Othman et al., 2012). Juzuk-juzuk jati diri dapat dilihat melalui pengetahuan, tingkah laku, pengurusan emosi, nilai dan kepercayaan seseorang. Resiliensi juga berkait dengan kebolehan seseorang mengadaptasi secara positif semasa berhadapan dengan pelbagai situasi yang menekan seperti penderaan, keganasan ataupun hidup dalam kemiskinan. Pengalaman berkenaan boleh mengakibatkan tingkah laku delinkuen bagi mereka yang kurang resilien (Kaplan, 1999).

Resiliensi memberi kesejahteraan individu serta dapat melindungi dirinya daripada kesan negatif (Zautra, Hall, & Murray, 2010). Dalam perspektif ini, individu yang mempunyai resiliensi tinggi mampu menghadapi kesulitan dan kesusahan dan lebih tabah serta yakin sehingga menjadikannya dirinya lebih kompeten dan berdaya





juang yang tinggi. Justeru resiliensi membentuk jati diri pelajar tahfiz yang lebih baik dan keyakinan tinggi. Individu yang mempunyai resiliensi tinggi mampu berhadapan dengan kehidupan optimis walaupun dalam keadaan yang sukar. Sikap yang menunjukkan seseorang itu beresiliensi adalah digambarkan sebagai suatu kepercayaan bahawa seseorang itu boleh berhadapan dengan cabaran dan mampu memperbaiki diri sendiri serta orang lain.

Operasional:

Dalam konteks kajian ini, resiliensi merujuk kepada tiga perkara iaitu pertama, kemampuan individu dalam mengendalikan pelbagai tekanan daripada faktor persekitaran dengan memiliki persepsi masa hadapan yang lebih optimis, kedua kemahiran yang membina dan tidak bergantung kepada orang lain, dan ketiga keberanian menghadapi risiko. Ia diukur berdasarkan skor laporan sendiri melalui Soal Selidik Resiliensi (SDT) oleh Mohammad Nasir (2006) yang disesuaikan daripada *The Resiliency Questionnaire* oleh Jew, Green, dan Kroger (1999).





1.11.7 Pelajar Tahfiz

Konseptual:

Melahirkan para *huffaz* adalah fardhu kifayah. Pelaksanaan tuntutan ini sewajarnya disokong oleh kerajaan secara terancang dan sistematik. Pihak kerajaan sewajarnya mempunyai dasar, falsafah dan hala tuju yang jelas tentang pendidikan termasuklah institusi Tahfiz. Masyarakat memerlukan dua kategori tahfiz. Pertama, institusi yang bersifat eksklusif, selektif dan pengkhususan untuk melahirkan para ulama *huffaz* dan profesional *huffaz* yang bersepadu, menghayati agama, berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memimpin negara berdasarkan acuan Islam.

Masyarakat juga memerlukan institusi tahfiz yang bersifat inklusif, terbuka dan bercirikan pembinaan watak serta keperibadian mulia untuk memberi peluang kepada semua pelajar yang berminat bagi mendalami ilmu Al-Quran (Abbas et al., 2018).

Operasional:

Dalam kajian ini, responden daripada kalangan pelajar Tahfiz di Darul Quran, JAKIM adalah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berumur antara 17 hingga 25 tahun yang belajar dan tinggal di Darul Quran, JAKIM. Mereka dipilih setelah melalui ujian saringan hafazan dan temuduga. Sepanjang tempoh tiga tahun pengajian, pelajar diwajibkan menghabiskan *muqarrar* hafazan Al-Quran sebagai persediaan menduduki





peperiksaan akhir semester seterusnya layak meneruskan pengajian semester berikutnya. Kemampuan hafazan akan dinilai melalui peperiksaan lisan-*syafawi* dan bertulis-*tahriri* (Darul Quran, 2014). Kedua-dua bentuk penilaian ini merupakan hasil akhir dalam sesuatu pembelajaran subjek *Hifz Al-Quran* (Intan Zakiah, 2016).

1.12 Rumusan

Dalam bab pertama ini telah membincangkan latar belakang kajian dan permasalahan kajian yang menekankan aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Seterusnya, pernyataan masalah ini dapat merungkai tujuan kajian dilakukan bersama objektif yang akan dikaji. Objektif kajian ini juga disusuli dengan andaian atau hipotesis.

Kepentingan intervensi peringkat awal iaitu berbentuk perkembangan dan pencegahan bagi membantu pelajar yang rendah pada tahap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Oleh itu, Modul Bimbingan Integrasi *Tazkiyah An-Nafs* (MBITN) dalam kajian ini berteraskan kelompok bimbingan berpandukan teori REBT dan *Tazkiyah An-Nafs* bagi penyesuaian pelajar tahfiz ke atas motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Bab ini juga turut membincangkan tujuan kajian, objektif kajian awal dan kuasi eksperimental, kepentingan kajian dan batasan kajian. Perbincangan dalam bab ini juga turut menyentuh tentang limitasi kajian, definisi konsep dan hipotesis kajian. Akhirnya dengan berteraskan kepada tujuan dan objektif kajian, kerangka teoritikal dan tinjauan literasi, maka tiga hipotesis utama kajian awal dan lima hipotesis utama kajian eksperimental telah dibentuk dalam kajian ini.

